



## DOA PENUTUP:

*Jemput seorang anggota KED untuk memimpin doa penutup*

## LAGU PENUTUP:

### Ratu Bonda Maria


Maria Ratu bernyanyilah  
Maria Bonda percayalah

Maria bintang yang bersinar  
Memimpin jalan pada Yesus

Maria lambang pada bangsa  
Dengan kuasa Roh yang bertakhta

Menjadi Bonda pada Tuhan  
Allah yang dikasihNya

Ave, Ave, Ave Maria!  
Ave, Ave, Ave Maria!



# KED Renungan

HARAPAN PERCAYA, HIDUP dan MEMBERI



## Pengenalan:

Dan dekat salib Yesus berdiri ibuNya dan saudara ibuNya, Maria, isteri Klopas dan Maria Magdalena. Ketika Yesus melihat ibuNya dan murid yang dikasihNya di sampingNya, berkatalah Ia kepada ibuNya: "Ibu, inilah, anakmu!" Kemudian kataNya kepada murid-muridNya: "Inilah ibumu!" Dan sejak saat itu murid itu menerima dia di dalam rumahnya. (Yohanes 19: 25-27).

## DOA PEMBUKAAN:

*Jemput seorang anggota  
KED untuk memimpin doa*

## LAGU PEMBUKAAN:

### Hari Ini, Oh Bondaku

**Kor:**

*Hari ini ku memuji dikau  
Hari ini padaMu Bonda  
Dekati kami, dengan kasih Mu  
Penuh dengan kelembutan*

1. Bondaku, kami mohon  
Lindungi kami selalu  
Bila diri yang sesat  
Doakanlah kami selalu
2. Ratu malaikat Kudus  
Dengar doa anakMu  
Yang mohon bantuanMu  
Doakanlah kami selalu



## DIALOG:

Pada pagi 10 Mei 2017, ribuan penziarah dan kaum beriman dari seluruh dunia berkumpul di St Peter's Square untuk mendengarkan Paus Fransiskus. Dalam pesannya pada hari itu, Paus berkata, "Dalam katekesis kita tentang harapan Kristiani, hari ini kita melihat kepada Maria, Bonda Pengharapan," Pada saat paling gelap, kematian anaknya di kayu salib, Maria berada di sana "pada saat genting: ketika kebanyakan rakannya hilang kerana ketakutan."



Menurut Paus, Maria, Bonda Pengharapan kita mengajarkan kita kebaikan menunggu, walaupun ketika semuanya nampak tidak mempunyai makna. Dia selalu yakin dengan misteri Allah, bahkan ketika Dia seolah-olah tersembunyi kerana kejahatan dunia. Pada saat-saat yang paling sukar, Maria tidak merasa tertekan semasa mengalami kesukaran hidup dan juga tidak melakukan protes dengan ganas terhadap nasib yang memusuhinya. Kata Paus, "Sebaliknya dia adalah seorang wanita yang mendengarkan, yang menyambut hidup ketika ia mempersembahkan dirinya dengan hari-hari bahagia, juga dengan tragedi-tragedi yang menimpa dirinya."

Injil mencatatkan kehadiran Maria di salib dengan kata kerja sederhana: dia "berdiri". Mereka tidak mengatakan tentang reaksinya: sama ada dia menangis atau tidak ... tidak ada yang dapat menggambarkan keperitan dan penderitaannya. Injil hanya mengatakan dia "berdiri". Dia berdiri di sana, pada saat terburuk, pada saat paling sukar, dan dia menderita bersama dengan anaknya. Dia "berdiri".

Sebagai kesimpulan, Paus Fransiskus menyatakan: Dia adalah bonda Pengharapan kita. Di tengah-tengah komuniti para murid itu, keadaan sangat rapuh: salah seorang telah menyangkal, ramai yang melarikan diri, semua dalam keadaan takut, Maria hanya setakat berdiri, dengan cara yang paling semula jadi.

Semoga Maria, bonda yang Yesus berikan kepada kita semua, selalu mendukung langkah kita dan semoga dia selalu berkata kepada hati kita: *Bangkitlah! Nantikan, lihat ke ufuk*" kerana aku adalah Bonda Pengharapan.

### **Kongsikan pendapat dengan para anggota KED anda.**

- Adakah anda pernah mengalami pengalaman peribadi di mana anda berpaling kepada Bonda Maria pada saat-saat sukar atau putus asa, dan dia "berdiri" dengan anda? Sekiranya ya, kongsikan pengalaman itu.
- Apa yang anda dapat pelajari dari Bonda Maria tentang "berdiri" dengan mereka yang mungkin menderita atau mengalami cabaran dalam hidup mereka?

## PENDALAMAN:

### LUKAS: 1:37-38

Sebab bagi Allah tidak ada yang mustahil. Kata Maria: "Sesungguhnya aku ini adalah hamba Tuhan; jadilah padaku menurut perkataanmu itu." Lalu malaikat itu meninggalkan dia.

### RENUNGAN PERIBADI:

- BACA teks di atas dengan suara kedengaran dan DENGAR dengan keterbukaan.
- BACA teks sekali lagi dalam suasana hening secara peribadi sehingga satu perkataan atau frasa menyentuh atau menarik perhatian anda.
- TANYA: Apakah Roh Kudus ingin katakan kepada saya di dalam hati menerusi perkataan atau frasa ini?

### KONGSIKAN:

- KONGSI dalam kumpulan kecil (3-4 orang) perkataan atau frasa yang menyentuh anda dan apa yang anda fikir Tuhan ingin katakan kepada anda secara peribadi.

### TINDAKAN:

- Fikirkan orang yang ingin anda "berdiri" dekatnya selama jangka masa ini. Doakan Rosario di rumah sendiri atau bersama keluarga untuk orang-orang ini.
- Melalui mesejNya hari ini, apa yang Allah mahu mengajak saya lakukan sebagai seorang individu dan sebagai anggota KED?